



Dr. Zulkiple menyampaikan ucapan pada Kongres Pendidikan Integrasi Naqli dan Aqli (ECNA 2015) di Dewan Kuliah Utama Usim.

# Kongres himpun pemikir Usim

40 kertas kerja dibentangkan membincangkan tiga kluster

■ HAMIZAH BASIR

**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menganjurkan Kongres Pendidikan Integrasi Naqli dan Aqli (ECNA 2015) bagi menghimpun pemikir Usim untuk menghasilkan model pelaksanaan Integrasi Naqli dan Aqli.

Kongres dianjurkan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) di Dewan Kuliah Utama itu bertujuan mewujudkan perkongsian pelaksanaan model integrasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran dan pembelajaran di Usim serta menghasilkan bahan-bahan rujukan dalam pelaksanaan integrasi Naqli dan Aqli.

Pengarah Program, Profesor Madya Dr. Bhasah Abu Bakar berkata, kongres itu juga bertujuan memperkasakan program integrasi akademik di Usim ke arah menjadi pusat rujukan bagi peringkat serantau 2016 dan global 2025.

"Kongres ini membentangkan 40 kertas kerja dengan membincangkan tiga kluster iaitu pengajian Islam, Sains Sosial dan Sains yang menghimpunkan tokoh-tokoh pemikir dan warga

akademik Usim dalam melaksanakan integrasi Naqli dan Aqli untuk menghasilkan model pelaksanaan yang akan dilaksanakan di Usim.

"Selain itu, kongres ini turut memfokuskan kepada menterjemahkan konsep Naqli Aqli dari fakulti masing-masing bagi membolehkan pelajar menguasai ilmu moden di samping mendapatkan suntikan roh dan nilai-nilai murni berlandaskan prinsip Islam. Bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, setiap kakitangan akademik Usim disaran melaksanakan pendekatan *action research* bagi setiap subjek yang diajar," katanya di sini, semalam.

Majlis perasmian kongres disempurnakan penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdullah Md Zin.

Hadir sama, Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Usim, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani.

Seramai 100 peserta yang terdiri daripada pensyarah, para ilmuwan dan pelajar daripada pelbagai bidang pendidikan hadir menjayakan ECNA 2015 itu.